



---

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan  
Bilangan 5/1974**

**Bayaran Pejabat Untuk Surat Akuan Sumpah (Ikrar)  
(Disemak 2007)**

---



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR  
PUTRAJAYA**



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan  
Bilangan 5/1974**

**Bayaran Pejabat Untuk Surat Akuan Sumpah (Ikrar) (Disemak 2007)**

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihatkan Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah tentang cara bagi mengenakan bayaran pejabat untuk Surat Akuan Sumpah.

2. Kebanyakan Kaedah-kaedah Tanah Negeri (*State Land Rules*) mengandungi peruntukan untuk kutipan bayaran pejabat bagi Surat Akuan Sumpah iaitu apabila sesuatu Surat Akuan Sumpah itu hendak difailkan di Pejabat Pendaftaran untuk dijadikan rekod yang kekal. Surat Akuan Sumpah adalah difailkan untuk menjadi bukti di dalam kes-kes yang berikut:-

- (a) bukti bahawa surat kuasa wakil (P.A.) masih berkuat kuasa - menurut peruntukan seksyen 311 dan 302 Kanun Tanah Negara 1965;
- (b) bukti bahawa suratan hakmilik sudah hilang ataupun musnah;
- (c) bukti bahawa perubahan nama sudah berlaku.

3. Difikirkan bahawa Surat Akuan Sumpah yang dikemukakan sebagai menyokong permohonan di bawah seksyen 378 ataupun Surat Akuan Sumpah yang diserahkan bersama-sama Borang 19B Kanun Tanah Negara 1965, tidak patut dikenakan bayaran pejabat yang dihuraikan di dalam peraturan tanah dengan alasan bahawa bayaran untuk membuat ingatan ataupun catatan di dalam buku daftar adalah mencukupi. Pendapat ini adalah kukuh oleh kerana perubahan nama oleh sesuatu syarikat ataupun perbadanan disempurnakan dengan menyerahkan surat keterangan atau sijil rasmi yang dianggap sebagai satu permohonan dan sijil tersebut tidak dikenakan bayaran pejabat, tetapi hanya dikenakan bayaran untuk membuat ingatan di bawah seksyen 378.

4. Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah dinasihatkan bahawa bayaran pejabat untuk Surat Akuan Sumpah yang diserahkan mengikut seksyen 378 ataupun bersama-sama dengan Borang 19B Kanun Tanah Negara 1965 tidak seharusnya dikutip kerana di dalam setiap kes, Surat Akuan Sumpah tersebut tidak difailkan bagi maksud rujukan, tetapi difailkan sebagai dokumen yang memberi kuasa untuk membuat ingatan di dalam buku daftar.

5. Di dalam permasalahan keperluan duti setem ini, Lembaga Hasil Dalam Negeri berpandangan bahawa surat-surat sumpah (*statutory declaration*) yang disempurnakan menurut kehendak statut atau arahan daripada Kerajaan atau agensi dikecualikan daripada duti setem. Oleh yang demikian, surat sumpah menurut Kanun Tanah Negara 1965 adalah juga dikecualikan daripada duti setem.

**Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan**